

Masalah sosial jadi topik tumpuan program bual bicara

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID

KUALA LUMPUR 1 Mac - Kementerian Komunikasi dan Multimedia mempunyai peranan besar dalam memberi kefahaman kepada masyarakat dari semasa ke semasa mengenai pelbagai isu berbangkit yang ditimbulkan rakyat.

Usaha berterusan tersebut disebar kepada umum melalui beberapa program termasuk Bual Bicara Isu-Isu Semasa dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) secara terperinci dan mendalam agar tiada pihak mempertikai dan memutarbelitkan isu berkenaan sehingga akhirnya lari daripada matlamat asal terutama apabila dimuat naik di laman sosial.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari berkata, Program Bual Bicara Isu-Isu Semasa bertujuan memberi kesedaran umum tentang beberapa isu seperti bahayanya kumpulan militan Negara Islam (IS) kepada keselamatan negara, jenayah seksual kanak-kanak dan Program Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Katanya, menurut statistik terbaru, jumlah pengguna internet di negara ini sebanyak 20.6 juta orang dengan pengguna aktif media sosial sebanyak 16 juta orang.

Ini bermakna purata penggunaan internet melalui komputer sebanyak empat jam 38 minit sehari dan penggunaan internet melalui mobil pula sebanyak tiga jam 37 minit sehari.

Ini sekaligus membuktikan medium media sosial amat berkesan bagi kumpulan penganas IS merekrut ahli-ahli baharu.

"Pihak kementerian mengambil langkah proaktif bukan hanya untuk mengenal pasti dan menyekat akses kepada medium media sosial seperti kafe siber dan kafe internet dalam talian yang menyebarkan propaganda penganas tetapi dalam masa sama turut mengenal pasti individu yang didapati menyokong ideologi tersebut," katanya selepas merasmikan Program Bual Bicara Isu-Isu Semasa, di sini hari ini.

Turut hadir Pro Naib Canselor Penajaan dan Prasarana UKM, Prof. Dr. Nor Ghani Md. Nor.

Antara penceramah terlibat dalam program bual bicara ini adalah Ketua Penolong Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman,



Langkah proaktif bukan hanya untuk mengenal pasti dan menyekat akses kepada medium media sosial seperti kafe siber dan kafe internet dalam talian yang menyebarkan propaganda penganas tetapi dalam masa sama turut mengenal pasti individu yang didapati menyokong ideologi tersebut."

JAILANI JOHARI
Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia

Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, Deputy Superintenden Kanak-Kanak, Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah PDRM, E. Saroja dan Pegawai Operasi Sekretariat TN50, Faizal Yunus.

Isu penganas IS

Melihat kepada perkembangan ancaman IS, kementerian mengambil tindakan bersepadu dan holistik dengan merancang beberapa program penerangan dan penyampaian maklumat menerusi aktiviti jabatan atau agensi di bawahnya seperti Jabatan Pe-



JAILANI JOHARI dan Prof. Dr. Nor Ghani Md. Nor (tiga dari kiri) bersama para pelajar pada majlis perasmian Bual Bicara Isu-Isu Semasa Zon Tengah 2017 bersama pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

nerangan, Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

Selain itu, kementerian melalui kerjasama berterusan berjaya memberi ruang kepada kumpulan pakar khususnya daripada Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan memberi penerangan mengenai jihad dan mati syahid serta perjuangan sebenar Islam dalam usaha mengekang pengaruh kumpulan penganas IS.

"Kita lihat, kumpulan penganas IS menggunakan media sosial untuk merekrut ahli-ahli baharu terutamanya dalam kalangan generasi muda.

"Golongan ini (generasi muda) sudah terjebak dengan mengambil jalan mudah kononnya berjuang ke jalan Allah bagi menyucikan diri tetapi sebenarnya jauh menyimpang dari kebenaran.

"Golongan militan ini memutarbelit ayat-ayat al-Quran dan menyalah tafsirkan maksud ayat di dalam al-Quran bagi menghalalkan perbuatan terkutuk mereka," ujarnya.

Tambah Jailani, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berjaya menyekat 32 laman web dan 72 pautan URL dalam bahasa Inggeris dan Melayu yang terlibat dalam penyebaran ideologi songsang tersebut sehingga Disember tahun lalu.

"Sebagai generasi yang dilambakkan dengan segala informasi di hujung jari, saya fikir mereka perlu menanam sikap Tabayyun dalam diri. Seseorang itu perlu menilai sendiri kesahihan dan kebenaran sesuatu berita sebelum memercayainya dan menyebarkan," jelasnya.

Jenayah seksual kanak-kanak

Penganjur program bual bicara ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap jenayah seksual kanak-kanak dan melindungi mereka daripada sebarang ancaman jenayah.

Kata Jailani, perkembangan teknologi yang pantas menyebabkan kanak-kanak amat mudah terdedah dengan pelbagai laman web termasuk berunsur lucah sekiranya tiada pemantauan daripada ibu bapa sekali gus mem-

bawa kepada masalah sosial.

"Jadi, saya menyeru kepada ibu bapa bertindak tegas dalam penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak dan mengawal laman web yang dikunjungi oleh mereka. Selain itu, penerapan nilai-nilai sosial dan kerohanian perlu disematkan dalam diri anak-anak," katanya.

Tambahnya, melalui kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihaknya berjaya menyekat 244 laman lucah.

"Justeru, tiba masanya Kementerian Pendidikan merangka sistem pembelajaran pendidikan awal berkaitan gangguan seksual kanak-kanak di peringkat pra-sekolah. Perkara ini jika tidak dikawal akan merosakkan minda anak-anak selain meletakkan mereka dalam keadaan bahaya kerana terdedah dengan gangguan seksual," katanya lagi.

TN50

Transformasi Nasional 2050 atau TN50 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2017 yang lalu bakal

menggarap visi anak muda Malaysia untuk tempoh tiga dekad sehingga tahun 2050.

TN50 perlu direalisasikan dengan membabitkan kerjasama pelbagai pihak untuk menggerakkan usaha membentuk satu negara yang benar-benar berwibawa.

Kerajaan menetapkan tiga hasil utama yang perlu dicapai sepanjang tahun ini bagi tujuan menjayakan TN50 seperti dokumen akhir, *Feel Good Factor* dan data analisis.

"*Feel Good Factor* merupakan inisiatif bagi meningkatkan semangat positif dan kesedaran rakyat yang dilaksanakan bertujuan untuk membantu rakyat.

"Pandangan generasi muda penting kerana mereka mempunyai paradigma tersendiri dalam sesuatu perkara yang penting untuk kerajaan mengambil kira dalam menyediakan masa depan negara.

"Saya berharap generasi muda mengambil peluang dengan kemudahan teknologi yang ada bagi menjana pendapatan digital melalui program yang disediakan kerajaan seperti e-usahawan," ujar Jailani lagi.